



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 46
No. 21

10hb Oktober 2002

TAMBAHAN No. 106
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 411.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ESTABLISYMEN MAKANAN
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PINDAAN) 2002**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Dato Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2002.**

Undang-undang kecil baru 3F

2. Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985 [*P.U. (A) 149/85*], yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dengan memasukkan selepas undang-undang kecil 3E, undang-undang kecil yang berikut:

“Lesen
Sementara.

3F. (1) Suatu lesen sementara boleh dikeluarkan kepada seseorang pemohon sementara menanti pertimbangan oleh Dato Bandar ke atas permohonan bagi sesuatu lesen oleh pemohon itu, dengan syarat pemohon itu memenuhi kehendak-kehendak perancangan dan kehendak-kehendak bagi membuat permohonan sedemikian.

(2) Lesen sementara yang dikeluarkan di bawah subperenggan (1) hendaklah dirujuk sebagai Lesen Sementara (Permohonan Bagi Suatu Lesen Baru) dan hendaklah sah bagi tempoh enam bulan dari tarikh lesen itu dikeluarkan.

(3) Tertakluk kepada subperenggan (5), suatu lesen sementara boleh dilanjutkan bagi tempoh enam bulan selanjutnya atas permohonan secara bertulis oleh pemohon pada atau sebelum tarikh akhir tempoh enam bulan yang pertama.

(4) Tempoh sah suatu lesen sementara tidak boleh melebihi tempoh dua belas bulan dari tarikh lesen itu dikeluarkan.

(5) Jika permohonan bagi suatu lesen telah ditolak oleh Dato Bandar, tiada perlanjutan bagi lesen sementara boleh dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini.

(6) Fi yang boleh dikenakan bagi suatu lesen sementara atau perlanjutannya hendaklah sama dengan fi yang boleh dikenakan bagi suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual.

(7) Pemegang suatu lesen sementara hendaklah mempunyai hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sama sebagaimana pemegang lesen establisymen makanan yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.”.

Pindaan Jadual

3. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam Jadual dengan menggantikan butiran 9 dengan butiran yang berikut:

“9. Gerai makanan dalam lingkungan premis berlesen 100”.

Dibuat 10 Ogos 2002

[JHEU2/12/77 PT. II; PN(PU²)328/7/III]

KOLONEL DATUK MOHMAD SHAID BIN MOHD. TAUFEK
Dato Bandar Kuala Lumpur

Disahkan 10 September 2002.

DATO' SERI ONG KA TING
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF FOOD ESTABLISHMENTS (FEDERAL TERRITORY OF
KUALA LUMPUR) (AMENDMENT) BY-LAWS 2002

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the Act the Minister confirms, the following by-laws:

Citation

1. These by-laws may be cited as the **Licensing of Food Establishments (Federal Territory of Kuala Lumpur) (Amendment) By-Laws 2002**.

New by-law 3F

2. The Licensing of Food Establishments (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-Laws 1985 [*P.U. (A) 149/85*], which in these By-Laws are referred to as the “principal By-Laws”, are amended by inserting after by-law 3E the following by-law:

“Temporary
Licence.

3F. (1) A temporary licence may be issued to an applicant pending consideration of his application for a licence by the Commissioner, provided that the applicant complies with the planning requirements and the requirements for making such an application.

(2) The temporary licence issued under subparagraph (1) shall be referred to as the Temporary Licence (Application For A New Licence) and shall be valid for a period of six months from the date of its issue.

(3) Subject to subparagraph (5), a temporary licence may be extended for a further period of six months on an application made in writing by the applicant on or before the expiry of the first six-month period.

(4) The validity period of a temporary licence shall not exceed a period of twelve months from the date of its issue.

(5) Where an application for a licence has been rejected by the Commissioner, there shall be no extension of the temporary licence issued under this by-law.

(6) The fee chargeable for a temporary licence or its extension shall be equivalent to the fee chargeable for a licence issued under these By-Laws as specified in the Schedule.

(7) The holder of a temporary licence shall have similar rights, duties, liabilities and obligations as that of a holder of a food establishment licence issued under these By-Laws.”

Amendment of Schedule

3. The principal By-Laws are amended in the Schedule by substituting for item 9 the following item:

“9. Food stalls within licensed premises 100”.

Made 10 August 2002
[JHEU2/12/77 PT. II; PN(PU²)328/7/III]

KOLONEL DATUK MOHMAD SHAID BIN MOHD. TAUFEK
Commissioner of the City of Kuala Lumpur

Confirmed 10 September 2002

DATO' SERI ONG KA TING
Minister of Housing and Local Government

P.U. (A) 412.

AKTA INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN 2002

PERINTAH INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN (UBAHSUAIAN) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 2(2) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Institusi Kewangan Pembangunan (Ubahsuaian) 2002**.

(2) Perintah ini terpakai bagi Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.

(3) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2002.

Ubahsuaian

2. Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*], diubahsuaikan dalam subseksyen 28(3) dengan memotong perkataan “ahli,” dan “anggota,” di mana-mana jua terdapat.

Dibuat 29 Ogos 2002
[BNM JUN/DFI; PN(PU²)625]

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Menteri Kewangan

DEVELOPMENT FINANCIAL INSTITUTIONS ACT 2002

DEVELOPMENT FINANCIAL INSTITUTIONS (MODIFICATION) ORDER 2002

IN exercise of the powers conferred by subsection 2(2) of the Development Financial Institutions Act 2002 [Act 618], the Minister makes the following order:

Citation, application and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Development Financial Institutions (Modification) Order 2002**.
- (2) This Order applies to Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.
- (3) This Order is deemed to have come into operation on 15 February 2002.

Modification

2. The Development Financial Institutions Act 2002 [Act 618] is modified in subsection 28(3) by deleting the word “members,” wherever appearing.

Made 29 August 2002
[BNM JUN/DFI; PN(PU²)625]

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Minister of Finance

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA